

Lebih 2,000 penduduk di Melaka dipindah

MELAKA 20 Dis. - Lebih 2,000 penduduk di daerah Jasin, Alor Gajah dan Melaka Tengah dipindahkan ke pusat pemindahan berikutan banjir yang melanda negeri ini setelah hujan berterusan sejak tiga hari lalu.

Kebanyakan mereka dipindahkan sejak semalam ke pusat pemindahan sementara di sekolah, masjid, surau, balai raya dan dewan orang ramai.

Menurut jurucakap Bilik Gerakan Banjir daerah Jasin, seramai 815 orang daripada 175 keluarga di lima kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) dipindahkan sehingga pukul 4 petang ini.

Beliau berkata, di kawasan DUN Bemban, seramai 293 orang daripada 52 keluarga dipindahkan sementara bagi DUN Rim (278 orang daripada 68 keluarga), DUN Sungai Rambai (109 orang daripada 22 keluarga), DUN Asahan (107 orang daripada 27 keluarga) dan DUN Merlimau (28 orang daripada enam keluarga).

Beliau berkata, beberapa jalan utama termasuk jalan Chinchin-Chohong, jalan Chinchin-Kumpai, jalan Janda Berhias-Sungai Rambai dan jalan Solok Anak Air ke Chabau ditutup kepada kenderaan ringan.

Selain itu, katanya, Kilometer 171, Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) berdekatan Merlimau juga ditutup kepada kenderaan

ringan.

Bagi daerah Alor Gajah, tiga kawasan DUN dilanda banjir iaitu Durian Tunggal, Gadek dan Rumbia dengan seramai 772 orang dari 161 keluarga dipindahkan sehingga pukul 3.50 petang ini.

Jurucakap itu menambah, bagi DUN Durian Tunggal, seramai 424 orang daripada 95 keluarga dipindahkan ke tujuh pusat pemindahan termasuk di Sekolah Kebangsaan (SK) Durian Tunggal, SK Gangsa, Sekolah Menengah Seri Pengkalan, surau Kampung Pulau serta balai raya Panchor dan Beringin.

Beliau berkata, bagi DUN Rumbia, seramai 318 orang daripada 56 keluarga dipindahkan ke pusat pemindahan banjir di dewan Masjid Alor Gajah.

Sementara itu, bagi DUN Gadek pula, beliau berkata, seramai 30 orang daripada 10 keluarga dipindah ke pusat pemindahan di balai raya Gadek.

Bagi Melaka Tengah pula, sehingga petang ini seramai 440 orang dari 97 keluarga di beberapa taman perumahan dipindahkan ke pusat pemindahan banjir di Sekolah Menengah Munsyi Abdullah di Batu Berendam.

Mereka adalah penduduk di Taman Merdeka Jaya, Taman Tamby Chik, Taman Merdeka Megawati, Taman Angkasamurni dan Kampung Sungai Putat.